



Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) mempelawa permohonan dari warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berpengalaman bagi mengisi kekosongan jawatan di Unit Perkhidmatan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni, KIAS. Maklumat jawatan dan syarat kelayakan adalah seperti berikut :

**JAWATAN : PEMBANTU OPERASI ASRAMA
(1 Kekosongan Asrama Wanita)**

- i) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- ii) Taraf Jawatan : Kontrak
- iii) Gred : NK1
- iv) Syarat-Syarat Kelayakan:
 - a) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - b) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - c) Tidak merokok dan bebas daripada gejala negatif; dan
 - d) Keutamaan kepada calon yang mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan dan **boleh bekerja secara syif pada waktu malam.**
- v) Ringkasan Tugas:
 - a) Membantu melaksana dan menguruskan hal ehwal asrama pelajar KIAS dengan cekap dan berkesan termasuklah;
 - Mengawal selia asrama pelajar pada waktu malam.
 - Membantu mengurus penempatan pelajar ke asrama dan mengemaskini rekod penghuni asrama.
 - Memastikan asrama dan kawasan sekitarnya dalam keadaan baik, bersih dan selamat.
 - Membantu menguatkuasa peraturan keluar dan masuk asrama termasuklah memantau disiplin penghuni asrama dan menyediakan laporan kepada Ketua Unit.
 - Membantu penghuni asrama mendapatkan rawatan segera sekiranya sakit dan melaporkan kepada Ketua Unit jika terdapat kes-kes yang serius.
 - Melakukan rondaan (*spot check*) bagi memastikan penghuni, aset, bangunan dan persekitaran berada dalam keadaan selamat.

- b) Menjalankan tugas-tugas perkeranian dalam Unit supaya fungsi pentadbiran berjalan dengan baik.

Permohonan jawatan kosong boleh dibuat melalui borang permohonan jawatan kosong yang boleh dimuat turun dari laman web KIAS (www.kias.edu.my). Permohonan yang lengkap beserta Curriculum Vitae (CV) terkini, gambar berukuran passport, salinan sijil akademik yang telah disahkan dan lain-lain dokumen sokongan hendaklah dihantar kepada:

PENDAFTAR

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)
KM 12, Jalan Kuala Krai
Peti Surat 68, Nilam Puri
15730 Kota Bharu, Kelantan

Tarikh tutup permohonan ialah pada **13 Ogos 2026**.

Tarikh Iklan: 30 Julai 2026